



SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI



Lawatan Delegasi ITB Ke SST

Artikel oleh: PM Dr Baba Musta

Pada 23 - 24 November 2012 dua orang delegasi dari Fakultas Ilmu dan Teknologi Kebumian (FITK), ITB Bandung, Indonesia telah melawat Sekolah Sains dan Teknologi (SST). Delegasi terdiri dari Dekan FITK Prof. Dr Eddy A. Subroto dan Timbalan Dekan (Akademik dan Kemahasiswaan), Dr. Ir. Bambang Priadi. Tujuan lawatan ini ialah lawatan balas sempena lawatan yang telah diadakan oleh SST ke ITB pada 28-30 Ogos 2013 disamping membincangkan pemurnian kandungan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UMS dan ITB. Delegasi ITB telah membuat pembentangan aktiviti penyelidikan, hal ehwal akademik dan kerja lapangan yang dijalankan di FITK. Persefahaman telah dicapai untuk mengadakan majlis menandatangani dokumen MoU di ITB pada masa terdekat iaitu pertengahan tahun 2013. Delegasi ini juga dibawa melawat sekitar kampus UMS.

